

Headline	LGBT seks luar tabii undang penyakit		
MediaTitle	Jelita		
Date	13 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	37,099
Page No	140	Readership	78,784
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,198
Frequency	Monthly	PR Value	RM 15,593




TANYA PAKAR



Anda mempunyai sebarang masalah mengenai kesihatan wanita? Kemukakan soalan kepada Perunding Perbidanan dan Sakit Puan, Dr Fauziah Hasan. Hantar soalan kepada jelita@beritapub.com.my atau Tanya Pakar, Majalah Jelita, 16-20, Jalan 4/109E, Desa Business Park, Taman Desa off Jalan Klang Lama, 58100, Kuala Lumpur.

LGBT seks luar tabii undang penyakit

ALLAH swt mencipta lelaki dan wanita untuk hidup di atas muka bumi, agar tidak pupus. Terdapat organ istimewa pada wanita dan lelaki khusus untuk persenyawaan benih, seterusnya kehamilan membuktikan bahawa itu adalah antara fungsi lelaki dan wanita dijadikan Allah swt. Mari kita renungkan bersama firman Allah swt, kisah kaum Nabi Luth yang telah melanggar tabii. Surah Al A'raaf, 7: 80- 84,



Gambar hiasan

Allah berfirman. Dan Luth berkata kepada kaumnya, mengapa kalian mengerjakan perbuatan faahisyah (keji) yang belum pernah dilakukan oleh seorang pun sebelum kalian. Sesungguhnya kalian mendatangi laki-laki untuk melepaskan syahwat, bukan kepada wanita; malah kalian ini kaum yang melampaui batas. Jawab kaumnya tidak lain hanya mengatakan: "Usirlah mereka dari kotamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang yang berpura-pura mensucikan diri. Kemudian kami selamatkan dia dan pengikut-pengikutnya kecuali isterinya; dia

termasuk orang-orang yang tertinggal (dibinasakan). Dan Kami turunkan kepada mereka hujan (batu); maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa itu." Dalam perspektif perubatan, terdapat pelbagai penyakit fizikal dan mental akibat melakukan seks luar tabii ini:

1. Risiko jangkitan HIV / AIDS lebih tinggi. Kajian telah menunjukkan bahawa terdapat factor biologi yang memainkan peranan dimana kadar jangkitan virus HIV melalui seks didubur adalah 18 kali ganda lebih senang dijangkiti jika dibandingkan dengan seks secara tabii melalui faraj.
2. Risiko jangkitan penyakit kelamin seperti syphilis, gonorrhea, Chlamydia, genital herpes.
3. Human Papiloma Virus infection (HPV) boleh menyebabkan ketuat-ketuat (wart) tumbuh dengan banyak pada dubur, zakar, vulva dan vagina. Jangkitan HPV (beberapa jenis HPV) ini boleh menyebabkan barah dubur, mulut atau serviks.
4. Kajian juga menunjukkan bahawa ramai terlibat dalam aktiviti LGBT ini merokok akan meningkatkan risiko

mereka menghadapi barah paru-paru, tekak, perut, usus dan serviks. Ini juga boleh menyebabkan penyakit berkait dengan merokok seperti batuk kronik.

5. Risiko jangkitan Hepatitis B and Hepatitis C. Keduanya boleh menyebabkan barah hati. Hepatitis C berkait rapat dengan aktiviti seks ganas dan melibatkan ramai pasangan.

6. Kajian juga menunjukkan bahawa pengambilan arak dan dadah juga tinggi bagi kumpulan LGBT ini. Penggunaan jarum untuk pengambilan dadah meninggikan lagi risiko mereka untuk dijangkiti HIV/ AIDS dan juga penyakit kelamin.

7. Begitu juga mereka boleh terlibat dalam aktiviti seks liar dan melibatkan ramai pasangan.

8. Murung: banyak kajian menunjukkan LGBT mengalami masalah murung dan "anxiety". Masalah ini berkemungkinan besar disebabkan oleh beberapa faktor seperti tekanan kerana merahsiakan aktiviti, tentangan daripada keluarga atau terdapat penderaan dan keganasan pasangan. Akibat daripada ini, risiko cubaan membunuh diri adalah lebih tinggi dalam kumpulan ini terutama dikalangan lelaki muda.

9. Keganasan atau *intimate partner violence* berlaku dalam bentuk fizikal, seksual atau mental. Kajian menunjukkan keganasan berlaku setinggi 40 peratus antara lelaki yang mempunyai hubungan sejenis.

Sedar atau tidak, memberi hak kebebasan sehingga tiada hadnya kepada semua perkara, akan mengakibatkan seseorang itu meruntuhkan satu batu asas di dalam pembentukan keluarga dan seterusnya masyarakat. Dengan ini akan membawa bencana dan kerosakan kepada manusia secara umumnya. Oleh itu marilah kita berusaha untuk memastikan kemungkaran ini dibenteras. Jika tidak masalah ini akan berleluasa dan merosakan agama, bangsa dan negara. Apabila Allah menurunkan azabNya ke atas kaum yang zalim dan ingkar kepadaNya, maka Allah akan meliputi seluruhnya tanpa membezakan antara yang zalim dan salih. Firman Allah surah Al Anfal:25 yang bermaksud: "dan peliharalah dirimu daripada seksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras akan seksaanNya." 